

## **Anugerah Inovasi Pengajaran & Pembelajaran BITARA Universiti Pendidikan Sultan Idris 2018**

### **Syarat Penyertaan**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan akademik di setiap fakulti/pusat UPSI.
2. Fakulti dibenarkan menghantar sekurang-kurangnya 3 (TIGA) penyertaan berdasarkan pemilihan yang telah diadakan di peringkat fakulti untuk mana-mana kategori seperti berikut:
  - Kategori 1: Inovasi terhadap input/bahan pembelajaran
  - Kategori 2: Inovasi terhadap proses pengendalian sesi PdP
  - Kategori 3: Inovasi terhadap sistem penaksiran PdP
  - Kategori 4: Inovasi terhadap output/produk atau bahan bantu mengajar
3. Setiap penyertaan perlu disaring di peringkat fakulti dan perlu melalui ketua jabatan dan disokong oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa atau Dekan masing-masing.
4. Setiap penyertaan boleh dilakukan secara berkumpulan tetapi tidak boleh melebihi 3 orang peserta bagi setiap kumpulan. Penyertaan juga boleh dilakukan secara individu.
5. Setiap peserta diberi kebebasan untuk membentangkan amalan inovasi yang dipraktikkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris menggunakan slaid pembentangan, poster, video, demonstrasi produk atau lain-lain mengikut kreativiti masing-masing.
6. Peserta perlu memfokuskan amalan inovasi pembelajaran dan pengajaran warga fakulti/pusat UPSI secara kolektif berkaitan strategi dan kaedah penyampaian, bahan bantu mengajar dan pentaksiran bagi meningkatkan penyampaian PdP UPSI di samping menonjolkan niche fakulti/pusat.
7. Setiap peserta diberikan tempoh maksimum 10 minit untuk sesi pembentangan dan maksimum 5 minit untuk sesi soal jawab di hadapan juri masing-masing.

8. Pembentang boleh terdiri daripada seorang atau beberapa individu dalam kalangan Dekan/Pengarah, Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan atau ahli akademik yang melakukan inovasi dan ahli kumpulan yang lain yang mewakili fakulti/pusat. Pembentangan juga boleh dibantu oleh para pelajar peminovasi berkenaan.

### **Hadiah**

1. Pemenang Inovasi terhadap input/bahan pembelajaran  
: RM1000.00, tablet, sijil dan piala
2. Pemenang inovasi terhadap pengendalian sesi PdP  
: RM1000.00, tablet, sijil dan piala
3. Pemenang Inovasi terhadap sistem penaksiran PdP  
: RM1000.00, tablet, sijil dan piala
4. Pemenang Inovasi terhadap output/produk, bahan bantu mengajar  
: RM1000.00, tablet, sijil dan piala
5. Anugerah Keseluruhan  
: RM1000.00, sijil dan piala pusingan

### **Tarikh Tutup Permohonan:**

30 Oktober 2018

### **Tarikh Anugerah Inovasi Pengajaran & Pembelajaran BITARA Universiti Pendidikan Sultan Idris 2018**

7 November 2018

### **Sekretariat untuk dihubungi :**

1. Encik Syed Nurshairazi Syed Ramli 05-4506457
2. Puan Sakinatul Hidayah Sidek 05-4506845